

20/04/1999

Tiang layar baru siap dua minggu

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Isnin - Tiang layar baru bagi menggantikan tiang layar utama Jalur Gemilang yang patah tiga dalam kejadian ribut ketika Azhar Mansor memasuki hari pelayaran ke-69, minggu lalu, sudah ditempah.

Mengesahkan perkara ini, Penasihat Teknikal dan Komunikasi Jalur Gemilang yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, Noel Belman, berkata tempahan itu dibuat daripada sebuah syarikat khusus membuat tiang layar di Australia.

Tanpa menyatakan kos membuat tiang layar itu, beliau berkata, tiang layar itu dijangka siap dalam tempoh dua minggu dan akan diterbangkan ke England sejurus siap.

"Di sana nanti, saya akan menunggu ketibaan tempahan itu sebelum membawanya ke Kepulauan Falkland untuk dipasang di atas Jalur Gemilang," katanya di sini, hari ini.

Ditanya kenapa tiang layar itu tidak ditempah di England, Belman berkata, ini kerana kos membuatnya lebih mahal berbanding Australia berikutan pertukaran mata wang asing sekarang.

Difahamkan, tempahan tiang layar itu dilakukan selepas mendapat bantuan dana daripada penaja projek Cabaran Jalur Gemilang yang dinaungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, menerusi e-mel yang dihantar Azhar ke Cabaran Jalur Gemilang di sini kira-kira jam 5.30 petang ini, beliau melaporkan keadaan sepanjang hari ini tenang kecuali beberapa jam menerima tiupan angin dari Timur Laut yang menolak kapal ke Tenggara.

"Mengambil kesempatan ini, saya kembali melakukan beberapa kerja penyenggaraan di atas kapal.

"Saya sudah melepasi Cape Horn (Amerika Selatan) dan fokus saya sekarang ialah mendapatkan pembaikan kapal sebelum membolehkan saya melengkapkan pelayaran mengelilingi dunia," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau sedar perlu memastikan selamat tiba di Kepulauan Falkland terlebih dahulu.

Menurutnya, pelayaran di peringkat itu juga disifatkan sukar kerana dijangka melalui kawasan laluan tangkapan ikan.

Selain itu, kata beliau, berada berhampiran dengan daratan juga berisiko kerana beliau tidak mempunyai banyak ruang untuk bergerak.

Pelayar berusia 41 tahun itu juga melaporkan angin bertiup dari Barat Laut dengan kelajuan di antara lima hingga 10 knot manakala laut sedikit bergelombang.

(END)